



## SIARAN MEDIA

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Perbadanan Putrajaya**

**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008**

### HARI REKREASI PUTRAJAYA 2022

**PUTRAJAYA, 25 JUN 2022** – YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri hari ini membuat lawatan meninjau program Hari Rekreasi Putrajaya (HRP) 2022 dan Karnival Jom Heboh bertempat di Anjung Floria, Presint 4 Putrajaya.

Hadir bersama Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), YBhg Datuk Seri Hajah Rosida Jaafar, YBhg Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid, Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad, YBhg Datuk Michael Chan, Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima dan YBhg. Dato' Fadlun Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj).

Julung kali diadakan, penganjuran HRP 2022 bertujuan untuk mempromosikan Putrajaya sebagai Bandar Rekreasi serta menjadi lokasi tarikan pelancongan dan menjana pendapatan ekonomi setempat. Di samping itu, penganjuran ini dapat memberikan peluang kepada orang ramai untuk mengenali produk baharu pelancongan Putrajaya terutamanya di Anjung Floria Presint 4 serta aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan di sini dan seterusnya mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan warga dengan memanfaatkan kemudahan-kemudahan rekreasi yang disediakan dalam bandar ini.

Semasa sesi tinjauan, YAB Perdana Menteri juga turut menandatangani plak sebagai simbolik kunjungan YAB Perdana Menteri ke Pantai Floria Putrajaya.

Penganjuran HRP diadakan bersama-sama dengan Karnival Jom Heboh dengan kerjasama Media Prima. Kedua-dua program ini berlangsung pada 25-26 Jun 2022 dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 malam.

Hari Rekreasi Putrajaya pula membawakan pengisian antaranya Fiesta Pencinta Haiwan Putrajaya (PALoF), Bandar RV serta pelbagai aktiviti seperti senamrobik, berbasikal, aktiviti meniti diantara pokok (Branch Walk), memanjat pokok (*Tree Climbing*), *Flying Fox*, pertandingan memancing, cabaran menangkap ikan toman (*Toman Challenge*), zumba, cabaran papan luncur kepada pengunjung yang hadir. Selain itu, pengunjung juga boleh mencuba bermain kayak dengan harga promosi yang menarik serta bermandi-manda dan bermain pasir di pantai buatan Floria sepanjang 100 meter di Anjung Floria.

Pengisian PALoF mengandungi pameran dan pertandingan kucing menampilkan pelbagai jenis spesies kucing seperti Maine coon, British short hair, Birman, Burmese, Exotic, Persian dan banyak lagi. Selain itu, terdapat juga pertandingan haiwan-haiwan comel seperti burung, ikan, arnab, hamster, tikus belanda (*guine pig*) sebagai acara utama. PALoF kali ini juga melibatkan Projek Pengambilan Kucing Angkat serta Slot Program "Hello Doktor" iaitu bicara bersama doktor dan pakar-pakar haiwan kesayangan. Di samping itu, terdapat juga aktiviti-aktiviti jualan produk untuk haiwan-haiwan kesayangan seperti makanan kesihatan, produk/peralatan penjagaan, pendidikan dan permasalahan haiwan kesayangan

Diperagakan sebagai gaya terkini dalam dunia pengembaraan di Malaysia, Bandar RV di HRP menghimpunkan sebanyak 25 kenderaan rekreasi (*recreational vehicles*) jenis karavan, *motorhome* dan *campervan*. Deretan kenderaan rekreasi ini memenuhi pesisir tasik Anjung Floria serta dijayakan dengan kerjasama Persatuan Campervan & Motorhome Malaysia bagi melengkapi tema Hari Rekreasi Putrajaya. RV Town turut mengetengahkan keperluan pemasangan sistem solar selain penggunaan bekalan elektrik, bateri dan generator dalam memastikan sistem elektrik kabin berfungsi seperti unit kediaman. Pengunjung berpeluang untuk beramah mesra dan merasai sendiri keunikan mengembara dalam suasana yang lebih selesa.

Bagi penggemar makanan pula, HRP turut menyajikan pelbagai makanan dan juadah menarik untuk dicuba pengunjung seperti Desa Kopi, *Food Truck* dan Pesta Durian yang disediakan bagi menggalakkan pengusaha kecil dan usahawan muda tempatan memanfaatkan platform ini bagi mengetengahkan produk mereka secara meluas dan lebih dekat dengan orang awam.

PPj juga turut menyertai pameran reruai di Karnival Jom Heboh dalam mempamerkan info produk baharu pelancongan Putrajaya di sepanjang karnival berlangsung di samping menawarkan menawarkan baucar pelancongan kepada pengunjung yang bertuah.

Karnival Jom Heboh juga membawakan aktiviti antaranya hiburan kekeluargaan, aktiviti kanak-kanak, pendidikan, pameran serta jualan produk-produk IKS, belon udara panas serta persembahan barisan artis tempatan di konsert Jom Heboh pada waktu malam.



(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 25 Jun 2022

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346